

23/08/1998

Pilihan raya perlu penelitian

KOTA BHARU: Kerajaan perlu mengkaji dengan teliti terhadap sebarang cadangan supaya pilihan raya umum diadakan lebih awal daripada tempoh mandat lima tahun dijadual berakhir pada 2000, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, beliau tidak menolak kemungkinan itu tetapi ia perlu dikaji dengan teliti.

"Saya tidak tolak (kemungkinan pilihan raya lebih awal) tetapi kena kaji sama ada harus diadakan atau tidak," katanya menjawab soalan pemberita selepas menghadiri Program Wacana Cinta Negara, sempena majlis Perhimpunan Bersama Rakyat, di Sekolah Kebangsaan Chengal, Kampung Chengal, Kadok, dekat sini semalam.

Beliau diminta mengulas kenyataan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba, di Kuantan, Pahang kelmarin yang mencadangkan supaya kerajaan mengadakan pilihan raya umum lebih awal, bagi mendapatkan mandat baru rakyat berikutan masalah kegawatan ekonomi yang sedang dihadapi.

Ghafar menegaskan mandat baru rakyat itu penting bagi memudahkan kerajaan melaksanakan proses pemulihan ekonomi dengan lebih cepat dan berkesan menerusi sebuah kerajaan yang mantap serta stabil.

Pemimpin pembangkang DAP dan Pas sebelum ini pernah mengeluarkan kenyataan mengenai kemungkinan pilihan raya umum lebih awal dan menjangka ia akan berlangsung sebelum akhir tahun ini.

Mengenai masalah kegawatan ekonomi yang dikatakan menular kepada masalah kegawatan politik, Perdana Menteri berkata, perkara itu seharusnya tidak menimbulkan sebarang masalah walaupun ia cuba digembar gemburkan oleh pihak asing.

"Cakap-cakap ini memang mempunyai tujuan tertentu. Jadi mereka ingin menyebabkan berlaku kegawatan politik.

"Ada disyorkan supaya saya diturunkan (sebagai Perdana Menteri) dan diganti dengan Timbalan saya (Datuk Seri Anwar Ibrahim). Syor itu memang ada tetapi nasib baik, parti lawan juga tidak bersetuju.

"Lim Kit Siang (Ketua Pembangkang) juga tidak bersetuju, jadi hal ini kita selesai sesama kita," katanya.

(END)